

cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

Singapura

Periksa waktu solat dari telefon bimbit

Produk baru firma Melayu

By Suryani Omar

SERINGKALI apabila hendak memeriksa waktu solat, ramai akan membelek akhbar atau melihat kalendar yang mempunyai jadual waktu solat.

Kini, sebuah syarikat anak Melayu, Reqa Pte Ltd, telah membangunkan sofwe yang boleh dimuat turun daripada Internet ke telefon bimbit secara percuma bagi memudahkan pengguna memeriksa waktu solat.

Dipanggil AlifPrayerTime, ia adalah aplikasi yang dicipta oleh Pengurus Pembangunan Reqa, Encik Nasral Awang, 28 tahun, dan Pemaju Web Kanan, Encik Hazrul Azhar, 26 tahun.

Encik Nasral adalah pemilik bersama Reqa.

Reqa adalah sebuah syarikat yang membangunkan sofwe bagi pengurusan maklumat.

'Kami juga menyediakan khidmat membangunkan laman web dan banyak klien daripada badan Melayu/Islam meminta kami menyertakan waktu solat dalam laman mereka.

'Dari situ, kami mencuba idea membangunkan sebuah aplikasi telefon bimbit kerana buat masa ini, tiada aplikasi serupa itu,' jelas Encik Nasral.

Jadual waktu solat daripada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dimasukkan dalam pangkalan data bagi sofwe tersebut.

Ia perlu dikemaskini setiap tahun.

Selain membangunkan sofwe tersebut, Encik Hazrul juga membangunkan sofwe yang dapat membuat kiraan waktu solat di Singapura.

'Perkiraan tersebut dibuat berdasarkan kiraan garisan lintang (latitude) dan garisan bujur (longitude) lokasi dan beberapa faktor lain,' kata Encik Hazrul, lulusan Diploma Teknologi Maklumat Politeknik Singapura.

Namun buat AlifPrayerTime, mereka menggunakan pangkalan data.

Aplikasi tersebut hanya perlu dimuat turun daripada laman www.ialif.com secara percuma.

Diperkenalkan Ramadan lalu, ia telah dimuat turun lebih 470 kali oleh pengguna.

Bagi meraih pendapatan daripada aplikasi tersebut, syarikat-syarikat boleh memanfaatkan AlifPrayerTime sebagai wadah pemasaran.

'Sebelum pengguna mendapat waktu solat tertera di telefon bimbit mereka, iklan akan terpancar di telefon bimbit mereka,' kata Encik Nasral.

Reqa dimulakan pada 2004 oleh Encik Mohd Rosli Ali dan Encik Nasral.

Sebelum itu, Encik Mohd Rosli adalah salah seorang pengarah syarikat Quantum Media, tempat Encik Nasral bertugas.

Apabila Quantum Media ditutup, Encik Nasral menyertai Reqa bersama Encik Mohd Rosli.

'Saya tidak pernah terfikir menjadi seorang usahawan, boleh dikatakan saya usahawan tidak sengaja,' kata Encik Nasral, siswazah bidang teknologi maklumat Universiti Wollongong di Australia.

Hari ini, Reqa mempunyai lima kakitangan termasuk Encik Nasral dan Encik Mohd Rosli.

Pendapatan tahunan Reqa adalah sekitar \$100,000.

AlifPrayerTime merupakan sofwe terbaru yang dihasilkan Reqa.

Sebelum ini ia telah membangunkan beberapa sofwe pengurusan maklumat iaitu Gosh, Prisma dan Edisi.

Prisma dan Edisi adalah wadah bagi pembelajaran yang disasarkan kepada sekolah manakala Gosh membantu syarikat yang hendak menguruskan laman Internet mereka sendiri, menyelenggarakan dengan mudah.

Selain itu, Reqa juga telah meluaskan khidmat yang ditawarkan ke Brunei.

'Kami telah membangunkan dan menguruskan sistem zakat di Brunei, sistem tersebut digunakan bagi agihan wang zakat,' tambah Encik Nasral.

Copyright © 2010 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne